

Rabu – 18 Disember 2019

Halaman : 08



BANTUAN makanan untuk penduduk Kampung Orang Asli Pucur.



KEADAAN air di jalan utama ke Kampung Orang Asli Sedohok di Kahang.

Laluan ke kampung Orang Asli tertutup

Kluang: Ketika kebanyakan Pusat Penempatan Sementara (PPS) mangsa banjir di daerah ini mulai ditutup, 300 penduduk dua perkampungan Orang Asli di Kahang di sini, terus dihambat resah.

Mengikut maklumat, keadaan banjir di laluan masuk ke Kampung Orang Asli Sungai Peroh dan Pucur di sini, semakin meningkat seterusnya menghalang penduduk keluar ke pekan Kahang.

Penduduk, Liong Marlina, 35, berkata, masalah sama turut menimpa penghuni Ladang Mutiara di sini, yang terkepung akibat banjir.

Katanya, sehingga kini dua keluarga di Kampung Orang Asli Pucur berpindah ke Pusat Penempatan Sementara (PPS) banjir di kampung berkenaan dan dijangka bertambah sekiranya banjir terus meningkat.

“Bagaimanapun, kedaianan penduduk di Kampung Orang Asli Sungai Peroh jauh dari gigi air dan hanya terjejas akibat laluan keluar ke pekan Kahang dinaiiki air.

“Kami risau tidak dapat membeli keperluan sekolah anak,” katanya.

Menurut Marlina, dia berharap pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Kluang menyediakan pengangkutan bagi membolehkan mereka ke Pekan Kahang.

Sementara itu, Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu mengesahkan bantuan bekalan makanan dihantar ke Kampung Orang Asli Berrasau, Sungai Peruh, Air Pasir, Kuala Sengka dan Pucur.

“Tinjauan dilakukan ke Kampung Orang Asli Pucur bagi melihat keadaan perkampungan itu yang dikatakan mula dinaiki air,” katanya.